

**PENENTUAN TINGKAH LAKU PENGGUNA DALAM  
MEMPENGARUHI PERBELANJAAN PENGGUNAAN  
MAMPAN DALAM KALANGAN ISI RUMAH MELAYU**

***DETERMINANTS OF CONSUMER BEHAVIOUR INFLUENCING  
SPENDING ON SUSTAINABLE CONSUMPTION IN MALAY  
HOUSEHOLD***

**Elia Syarafina Abdul Shakur<sup>\*1,3</sup>, Nor Hayati Sa'at<sup>1,2</sup> dan Noorhaslinda Kulub  
Abd. Rashid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Institute of Tropical Biodiversity and Sustainable Development, Universiti  
Malaysia Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

<sup>2</sup>Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia  
Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

<sup>3</sup>Faculty of Accountancy and Management, Universiti Tunku Abdul Rahman,  
Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding author: [eliasya@umt.edu.my](mailto:eliasya@umt.edu.my)

**Published online:** 30 April 2021

**To cite this article:** Elia Syarafina Abdul Shakur, Nor Hayati Sa'at and Noorhaslinda Kulub  
Abd. Rashid. 2021. Penentuan tingkah laku pengguna dalam mempengaruhi perbelanjaan  
penggunaan mampan dalam kalangan isi rumah Melayu. *Kajian Malaysia* 39(1): 165–192.  
<https://doi.org/10.21315/km2021.39.1.8>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2021.39.1.8>

**ABSTRACT**

*Household consumption behaviour refers to the expenditure incurred by the household. The progress of the Malaysian nation has given the people a great deal of modernity and is prone to materialism at the expense of their ability. Good income and expenditure management can improve the quality of life and contribute to sustainable consumption spending. The quality and well-being of one's life is an indispensable indicator of the direction of a developed nation. A study was conducted to identify factors influencing household spending on sustainable consumption. Multiple regression methods were used to examine the relationship between household spending and factors, namely income, employment, education, savings, dependencies, health and age. The results showed that each category*

*of income had a significant factor of B40 (four significant factors), M40 (three significant factors) and T20 (one significant factor). It is hoped that this study will help policymakers and stakeholders in drafting guidelines for achieving sustainable spending.*

**Keywords:** consumer behaviour, sustainable consumption, income, quality of life, Terengganu

## ABSTRAK

*Tingkah laku penggunaan isi rumah merujuk kepada perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah. Kemajuan Malaysia menyebabkan rakyat begitu ghairah mengejar arus pemodenan dan mudah terpengaruh dengan sifat kebendaan sehingga terjebak untuk melakukan perbelanjaan yang melampaui had kemampuan mereka. Pengurusan pendapatan dan perbelanjaan yang baik mampu meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang kepada perbelanjaan penggunaan yang mampan. Kualiti dan kesejahteraan hidup seseorang merupakan indikator yang amat penting untuk menuju ke arah sebuah negara maju. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah ke arah penggunaan mampan. Kaedah regresi berganda digunakan untuk mengkaji hubungan antara perbelanjaan isi rumah dengan faktor-faktor seperti pendapatan, pekerjaan, pendidikan, tabungan, tanggungan, kesihatan dan umur. Hasil kajian mendapati setiap kategori pendapatan mempunyai faktor signifikan masing-masing iaitu B40 (empat faktor signifikan), M40 (tiga faktor signifikan) dan T20 (satu faktor signifikan). Kajian ini diharap dapat membantu pembuat dasar polisi dan golongan yang berkepentingan menyediakan garis panduan agar dapat mengetahui tahap kemampuan etnik Melayu dalam mencapai kemampanan perbelanjaan pada masa akan datang.*

**Kata kunci:** tingkah laku pengguna, penggunaan mampan, pendapatan, kualiti hidup, Terengganu

## PENGENALAN

Tingkah laku pengguna merupakan pembelajaran atau penyelidikan tentang bagaimana individu membuat keputusan untuk menggunakan sumber sedia ada seperti masa, wang dan usaha bagi memperoleh barang yang berkaitan dengan kepenggunaan (Walters 1974; Hamilton 2018). Ahmad Azrin (2011) juga telah mendefinisikan tingkah laku pengguna daripada Solomon (2009), Campbell (1995)

dan Sarimah Hanim (2005) dengan secara ringkas kepada lima formulasi utama. Pertama, tingkah laku melibatkan pelbagai aktiviti dalam bentuk ketara dan tidak ketara termasuk fizikal, mental dan emosi. Kedua, tingkah laku melalui rangsangan motivasi tertentu termasuk faktor dalaman (persepsi, pembelajaran, personaliti, sikap dan lain-lain) atau faktor luaran (keadaan, kumpulan perujuk, keluarga dan lain-lain). Ketiga, analisis kajian tingkah laku pengguna yang dibahagikan kepada pengguna individu atau pengguna organisasi. Keempat, tingkah laku yang menunjukkan suatu proses berterusan, bermula daripada aktiviti pra-pembelian sehingga aktiviti pasca pembelian. Kelima, tingkah laku yang melibatkan peranan pengguna berbeza sama ada sebagai mempengaruhi (*influencer*), pembeli, pembuat keputusan atau pengguna.

Pengetahuan yang baik tentang tingkah laku kewangan dari segi pendapatan isi rumah yang berbeza akan memberi kesan bermakna kepada perubahan tingkah laku isi rumah dalam persekitaran ekonomi dan pengaruh polisi, contohnya, insurans sosial dan sistem pencen. Berkenaan dengan tingkah laku simpanan dan hutang isi rumah (dan penggunaan) untuk perbezaan kategori isi rumah boleh dipelajari dengan cara yang lebih efektif (Gunnarsson dan Wahlund 1997). Kajian empirikal oleh Randazzo dan Piracha (2019) mendapati bahawa perbezaan kategori pendapatan isi rumah mempunyai corak perbelanjaan yang agak sama dari segi keperluan, barangan normal atau mewah.

Keyakinan isi rumah terhadap keadaan ekonomi akan menyebabkan mereka mengambil langkah lebih berhati-hati dengan menyimpan dan membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan luar bagi perbelanjaan yang lebih daripada biasa. Bialowolski (2019) menyokong bahawa kecenderungan untuk membuat tabungan atau simpanan adalah lebih tinggi dalam keadaan ekonomi yang bertambah baik. Motif awasan yang dinyatakan dalam tabungan sebenarnya adalah bertujuan penggunaan dengan lebih baik. Williams dan Defris (1981) menyatakan bahawa kesan inflasi kepada tabungan dan hutang masih tidak jelas. Inflasi yang lebih tinggi bagaimanapun, membayangkan pengurangan dalam nilai sebenar simpanan, terutamanya jika inflasi yang tinggi tidak diberi pampasan oleh kadar faedah yang lebih tinggi. Dalam kes sedemikian, isi rumah memilih untuk meningkatkan penggunaan dengan mengeluarkan tabungan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Berdasarkan kepada model kitaran hayat, warga tua kurang membuat tabungan menjelang umur persaraan. Sebaliknya, mereka menggunakan wang tersebut untuk masa hadapan (Strömbäck et al. 2017). Menurut Lehning dan Harmon (2013), faktor pendapatan dan pemilikan aset terhad mendorong ketua isi rumah

(kebiasaannya warga tua) untuk terus bekerja walaupun selepas bersara. Elia Syarafina et al. (2018) turut menjelaskan ketua isi rumah perlu membelanjakan kos sara hidup, cukai dan kos perkhidmatan yang terus meningkat untuk hidup secara berdikari dan mencari wang tambahan untuk menanggung keluarga. Justeru, di sinilah bermulanya peranan seorang anak untuk menjaga dan menanggung ibu bapa mereka yang perlu dititikberatkan. Saidatulakmal (2004) menyatakan tanggungjawab menjaga golongan tua tidak dapat dipertikaikan tanpa mengira keadaan ekonomi atau berapa banyak pendapatan atau simpanan seseorang. Oleh itu, wujudnya prinsip umum bagi corak perbelanjaan orang Melayu terhadap barangan pengguna berupa perbelanjaan untuk kebajikan diri sendiri dan tanggungannya.

Tahap penggunaan semasa dan corak gaya hidup di Malaysia telah berubah berikutan transformasi dalam sistem ekonomi berpunca daripada arus pemodenan, urbanisasi, globalisasi, liberalisasi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi (Noorhaslinda et al. 2018a). Tambahan pula, Lusardi (2015) menyatakan bahawa produk kewangan adalah semakin kompleks seperti perbezaan bentuk gadaai janji, pinjaman pelajar, pelan persaraan, kad kredit dan sebagainya. Noorhaslinda et al. (2018a) menjelaskan ia melibatkan isu kredit untuk mengurangkan risiko kerugian dalam kalangan bank dan institusi kewangan. Pengaruh lain yang meningkatkan hutang isi rumah seperti pendapatan sebenar, kadar faedah, inflasi dan pengangguran.

Pengurusan kewangan yang terancang terhadap pendapatan dan perbelanjaan penggunaan mampan menunjukkan bahawa isi rumah boleh memperuntukkan dan membelanjakan jumlah pendapatan dengan lebih bijak (Noorhaslinda, Nor Fatimah dan Nur Afifah 2018b). Isi rumah perlu merancang dan memberi keutamaan kepada keperluan asas berdasarkan kekangan dan pendapatan mereka (Noorhaslinda et al. 2018a). Oleh itu, pengurusan kewangan pada masa hadapan terletak pada pilihan individu masing-masing (Skagerlund et al. 2018). Gabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan lebih bijak perlu untuk mencapai kesejahteraan kewangan individu (Atkinson dan Messy 2012).

Selain itu, kawalan diri juga adalah penting untuk melihat sejauh mana individu tersebut dapat memberi keputusan dalam menguruskan kewangan dengan baik ketika usia muda dan usia tua. Berdasarkan kepada Strömbäck et al. (2017), pergantungan kepada mental dan bagaimana individu mengkategorikan wang sama ada untuk memenuhi keperluan atau kehendak akan mempengaruhi jumlah tabungan pada masa hadapan. Sebagai contoh, penjimatan pendapatan bulanan adalah lebih sukar untuk dilakukan berbanding tabungan untuk persaraan.

Menurut Biljanovska dan Palligkinis (2015), masalah kawalan diri isi rumah adalah disebabkan kekurangan perancangan, pemantauan atau komitmen yang menyebabkan pengumpulan ke arah kekayaan adalah lebih rendah. Kajian oleh Strömbäck et al. (2017) mendapati bahawa pemboleh ubah seperti literasi kewangan, pendapatan dan jantina wanita mempunyai kesan positif terhadap tingkah laku untuk melakukan tabungan. Malahan, kawalan diri juga mempunyai kesan positif terhadap tingkah laku kesejahteraan kewangan. Perkara ini menunjukkan bahawa kawalan diri mempunyai kesan positif bukan sahaja terhadap tingkah laku kewangan tetapi juga terhadap kesejahteraan kewangan.

Di samping itu, kekurangan pemilikan rumah dan lokasi yang tidak strategik juga boleh memberi tekanan kepada perbelanjaan isi rumah (Elia Syarafina et al. 2017). Menurut Bank Negara Malaysia (2018), kelayakan untuk membeli sebuah rumah ideal ialah satu pertiga daripada jumlah gaji yang diperoleh. Sementara itu, baki pendapatan yang tinggal digunakan untuk membayar pinjaman dan perbelanjaan kos yang lain dari segi kebolehcapaian yang diperlukan (Elia Syarafina et al. 2016). Elia Syarafina et al. (2018) turut menjelaskan pengguna perlu menampung perbelanjaan lain untuk memenuhi keperluan dari segi kos sara hidup, pengangkutan, harga barangan dan perkhidmatan yang meningkat dari hari ke hari.

Menurut Rahmah, Noor Dzaharah dan Noorasiah (2016), kelengkapan menyediakan akses dan kemudahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah dapat menjana pendapatan di samping penyediaan pelbagai peluang pekerjaan. Ia juga dapat memperbaiki corak agihan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam sesebuah negara. Pandangan penduduk amat penting untuk meningkatkan kemudahan asas terutamanya dari segi aspek pengurangan kos sara hidup dan kos perkhidmatan. Sokongan dan penyertaan penduduk dengan program yang dianjurkan juga diperlukan untuk meningkatkan perpaduan sosial dan kehidupan (Elia Syarafina et al. 2017).

## **TEORI TINGKAH LAKU PENGGUNA**

Walters (1974), Mowen (1993) serta Schiffman dan Kanuk (2004) mendefinisikan tingkah laku pengguna sebagai pembelajaran atau penyelidikan tentang bagaimana individu membuat keputusan terhadap sumber sedia ada seperti masa, wang dan usaha untuk memperoleh barangan yang berkaitan dengan kepenggunaan. Surtahman (2001) pula mendefinisikan pengguna sebagai manusia yang mempunyai pelbagai kehendak untuk dipenuhi bagi mendapat kepuasan yang dikehendaki. Utiliti juga boleh menggambarkan tingkat kepuasan pengguna terhadap

sesuatu penggunaan. Menurut Taussig (1912), utiliti hanya boleh diukur dengan jumlah yang sanggup dibayar oleh seseorang untuk mendapatkan sesuatu barangan. Pengguna dianggap mencapai keseimbangan apabila dapat memaksimumkan utiliti pada satu had pendapatan yang tertentu. Konsep penggunaan dalam Islam pula merujuk kepada suatu keadaan di mana pengguna akan dianggap sebagai rasional apabila mereka membelanjakan pendapatan untuk memaksimumkan utiliti penggunaan material selari dengan utiliti kerohanian (Nurshuhaida dan Siti Zaiton 2012). Sarimah (2005) menegaskan bahawa tingkah laku pengguna bukan sahaja menggalakkan individu menggunakan pendapatan mereka untuk dibelanjakan, malah meningkatkan jumlah pendapatan dari semasa ke semasa untuk memenuhi semua keperluan dan keinginan.

Perbincangan di atas menunjukkan definisi tingkah laku pengguna mempunyai beberapa perbezaan makna dan digabungkan kepada beberapa formulasi utama. Kebanyakan penyelidik bersetuju bahawa terdapat empat soalan utama dalam mana-mana teori tingkah laku pengguna untuk dibincangkan (Ratneshwar, Mick dan Huffman 2000; Ahmad Azrin 2011) seperti berikut:

1. Apakah motif dan keinginan bagi tingkah laku pengguna?
2. Mengapakah pengguna membeli dan menggunakan produk, jenama dan perkhidmatan yang tertentu sahaja walaupun banyak alternatif yang diberikan mengikut persekitaran mereka?
3. Bagaimanakah pengguna berfikir dan berasa tentang kesungguhan dan keinginan mereka, dan bagaimanakah mereka melaksanakan usaha ini kepada tindakan?
4. Apakah penjelasan yang mungkin diberikan untuk membezakan motif pengguna berasaskan kepada keadaan tertentu?

Lunt dan Livingstone (1991) menjelaskan bahawa ramalan teori menunjukkan penjimatan seharusnya positif berhubung dengan keyakinan mengenai kewangan individu dan keadaan ekonomi umum. Perkara ini dapat dikaitkan dengan teori kitaran hidup.

Menurut Gunnarsson dan Wahlund (1997), hipotesis kitaran hidup meramalkan bahawa isi rumah ingin melakukan penjimatan dan mengelakkan daripada berlakunya turun naik dalam corak penggunaan apabila berlaku peningkatan atau pengurangan dalam pendapatan. Isi rumah golongan muda akan mempunyai tabungan bersih secara negatif selepas mengambil kira hutang dan secara beransur-ansur membina tabungan bersih secara positif di kemudian hari. Apabila

tiba waktu persaraan, mereka akan mula menggunakan simpanan (dengan mengandaikan bahawa aset tersebut mudah alih iaitu sebarang aset selain wang yang boleh ditukar ganti untuk tujuan komersial dan bersifat pada dasar yang sama; sama ada dalam bentuk perumahan, pelan pencen atau dana bank), yang akan dibelanjakan sepenuhnya sebelum kematian mereka. Hipotesis kitaran hidup ini lebih menumpukan kepada simpanan dan penggunaan, serta pengumpulan dan pengurangan aset semasa kitaran hidup.

Dalam membincangkan penggunaan dan tingkah laku pengguna, teori asasnya adalah Teori Penggunaan dan Teori Tingkah Laku Pengguna (Pindyck dan Rubinfeld 2005). Tiga teori penggunaan yang paling penting dapat dijelaskan iaitu Teori Penggunaan Pendapatan Relatif, Teori Kitaran Hidup Penggunaan dan Teori Penggunaan Pendapatan Tetap (Friedman 1957; Keynes 1936; Modigliani 1949). Teori-teori ini menerangkan bagaimana pengguna membelanjakan barangan atau perkhidmatan dengan kekangan bajet yang ada.

Teori Tingkah Laku Pengguna didefinisikan sebagai suatu teori yang menjelaskan bagaimana kelakuan pengguna dalam berbelanja sama ada untuk barangan ataupun perkhidmatan. Teori ini secara asasnya tidak dapat dipisahkan daripada konsep rasionaliti dan utiliti. Tingkah laku pengguna yang rasional merupakan keadaan di mana seseorang mampu untuk mengatur perbelanjaan terhadap sesuatu barangan dan perkhidmatan mengikut keutamaan secara sistematik berdasarkan kekangan kewangan dan kehendak yang tidak terhad. Justeru, teori inilah sebenarnya yang banyak mendasari perbincangan dalam konteks pendapatan dan perbelanjaan isi rumah.

Perdebatan mengenai tingkah laku pengguna sebenarnya bermula daripada Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen 1985) yang dipandu oleh tiga faktor terpenting iaitu tingkah laku, norma subjektif dan sikap. Ketiga-tiga elemen ini akan membawa kepada pembentukan niat seseorang terhadap sesuatu perkara dengan kawalan diri yang ada. Sehubungan itu, aplikasi Teori Tingkah Laku Terancang dapat dijadikan sebagai asas kepada kajian ini dalam menilai faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan. Perkara ini menumpukan kepada niat tingkah laku yang ditentukan dan juga dipengaruhi oleh sikap seseorang, norma subjektif (jangkaan tingkah laku yang dirasakan oleh rujukan orang penting) dan persepsi kawalan kelakuan (keberkesanan dan jangkaan kawalan). Niat tingkah laku seterusnya menjadi pengantara pengaruh tiga *proximal predictors* ke atas tingkah laku yang sebenar. Teori Tingkah Laku Terancang terdiri daripada pemboleh ubah seperti faktor latar belakang, keyakinan perilaku, keyakinan normatif, norma subjektif dan keyakinan kawalan. Oleh itu, kajian



ini mencadangkan untuk menggabungkan tingkah laku pengguna dengan Teori Tingkah Laku Terancang yang sering digunakan untuk kajian empirikal mengenai penggunaan mampan.

## KONSEP DAN DEFINISI PENGGUNAAN MAMPAN

Konsep penggunaan didefinisikan sebagai “mencapai fungsi” yang merangkumi pembelian barangan dan perkhidmatan dan “*extends to behaviour in a broader sense*” (Sen 1992). Menurut Leßmann dan Masson (2015), pengguna boleh memilih pelbagai barangan secara pukal daripada set bajet individu yang boleh memilih mana-mana gabungan fungsi mengikut set kemampuan mereka. Leßmann dan Rauschmayer (2013) menyatakan penggunaan mampan dalam erti kata lain meminta “individu hari ini mempertimbangkan set keupayaan orang masa hadapan mengikut pilihan semasa mereka”. Oleh itu, perbincangan dalam konteks ini lebih menekankan perbelanjaan penggunaan mampan golongan Melayu mengikut klasifikasi pendapatan isi rumah di Malaysia yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu B40, M40 dan T20.

## TINGKAH LAKU PENGGUNAAN ISI RUMAH DI MALAYSIA

Di Asia Pasifik, Australia dan Korea Selatan menghadapi masalah hutang isi rumah yang paling serius, bukan sahaja lebih tinggi daripada ekonomi lain, malahan juga peningkatan ini menyebabkan kedua-dua negara tersebut berada pada tahap berisiko. Seperti Malaysia dan Thailand, telah berlaku penurunan dalam hutang isi rumah bagi sebahagian daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Walau bagaimanapun, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK masih antara yang tertinggi di rantau ini (The Asian Banker 2018).

World Bank Group (2019) menjelaskan hutang isi rumah pada tahun 2018 telah menurun sebanyak 0.8% iaitu 83% daripada 83.8% pada tahun 2017. Pertumbuhan hutang isi rumah juga sederhana kerana pertumbuhan bagi pinjaman perumahan dan kenderaan bermotor bergerak perlahan daripada 4.9% (tahun 2017) kepada 4.7% (tahun 2018). Walaupun hutang isi rumah tetap tinggi, namun kira-kira dua pertiga daripada pinjaman isi rumah dijamin oleh harta atau sekuriti. Pinjaman harta kediaman telah menyumbang lebih daripada separuh jumlah hutang isi rumah dan sedikit sebanyak memberi petunjuk terhadap trend masa hadapan hutang isi rumah Malaysia. Pada tahun 2018, pertumbuhan pinjaman yang dimohon dan diluluskan untuk pembelian harta kediaman makin berkurangan dengan ketara kepada 0.3% dan 1.8% apabila dibandingkan dengan tahun 2017.



Statistik tahun 2018 dari Jabatan Insolvensi Malaysia mendapati sebanyak 64,632 rakyat Malaysia berumur di antara 18 hingga 44 tahun telah diisytiharkan mufliis sepanjang lima tahun lepas. Penggunaan produk kewangan yang tidak bijak dan tidak terkawal seperti kad kredit dan pinjaman peribadi telah menyumbang lebih daripada 80% pelanggan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menghadapi masalah dalam kewangan. Sebanyak 40% daripada mereka didapati lemah merancang kewangan dengan baik. Kesimpulannya, penyebab utama masalah ini ialah kekurangan pengetahuan dalam menguruskan kewangan dan menggunakan produk kewangan mereka. Kelemahan merancang kewangan (39.4%) dan kos sara hidup (28.8%) yang tinggi adalah punca utama pekerja Malaysia tidak dapat menyimpan kewangan, diikuti oleh faktor kegagalan atau kelembapan dalam perniagaan (13.4%), seterusnya faktor kehilangan kerja atau pemberhentian atau kehilangan pencari nafkah (9.2%), perbelanjaan perubatan tinggi (7.4%) dan lain-lain (1.8%). Rentetan daripada permasalahan inilah yang menyebabkan mereka mengambil langkah untuk mengikuti Debt Management Programme (AKPK 2018a).

Berdasarkan laporan AKPK (2018b), individu yang berumur di antara 50 hingga 59 tahun merupakan golongan paling serius berbelanja dengan skor purata 7.00 (lebih daripada separuh masih membelanjakan servis kereta dan pinjaman perumahan, manakala sebanyak 40% digunakan untuk membayar pinjaman peribadi dan kad kredit serta lebih dari satu persepuluh penggunaan dalam perkhidmatan pinjaman bukan bank), diikuti susunan perbelanjaan oleh kumpulan-kumpulan ini: 20 hingga 29 tahun (skor purata 6.96) bagi perbelanjaan utama pinjaman kereta dan seterusnya pendidikan, 30 hingga 39 tahun (skor purata 6.89) bagi pinjaman kereta, pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan serta 40 hingga 49 tahun (skor purata 6.88) bagi pinjaman perumahan, pinjaman kereta dan pinjaman kad kredit. Secara purata, golongan wanita lebih cenderung untuk berbelanja dengan skor purata 7.04 berbanding golongan lelaki yang mencapai 6.79.

Bagi jenis pekerjaan pula, sektor kerajaan menggunakan perbelanjaan yang paling tinggi dengan purata 7.12, diikuti golongan yang bekerja sendiri (6.84) dan sektor swasta (6.73). Dari segi jawatan pekerjaan, bukan eksekutif mempunyai skor purata tertinggi iaitu 7.04 dan diikuti rapat oleh pengurusan kanan dengan skor hanya 0.02 lebih rendah pada 7.02. Eksekutif menjanginkan purata skor 6.81, sementara pengurus memperoleh skor 6.76 yang berada pada titik skor purata terendah. Akhir sekali, perbelanjaan mengikut pengkelasan pendapatan bulanan iaitu kategori M40 yang berpendapatan antara RM4,361 hingga RM9,619 mencatatkan skor purata tertinggi 7.08, diikuti dengan kategori B40 yang berpendapatan kurang daripada RM4,360 dengan skor purata 6.92. Skor purata bagi kategori berpendapatan di bawah RM2,000 dan kategori T20 yang

berpendapatan lebih daripada RM9,620 adalah sama iaitu 6.86. Lebih daripada satu pertiga yang dihadapi oleh pekerja dewasa Malaysia berada pada tahap “bertahan” (39%, skor purata 6.21) bagi kesejahteraan kewangan dan berbelanja dengan “bersebab” (52%, skor purata 7.02) untuk tingkah laku kewangan. Lebih separuh (53%) daripada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 tidak mampu membayar perbelanjaan kecemasan sebanyak RM1,000 (AKPK 2018b). Rahmah, Noor Dzaharah dan Noorasiah (2016) menyatakan individu berpendapatan rendah lebih terdorong untuk bekerja keras bagi memperoleh kewangan dan menampung perbelanjaan harian dengan secukupnya.

Jabatan Insolvensi Malaysia (2019) melaporkan jumlah kes kebangkrapan sehingga Disember 2018 sebanyak 303,415 orang. Lima negeri yang mempunyai kes kebangkrapan tertinggi dalam tempoh yang sama iaitu Johor (13,346 kes), Selangor (24,648 kes), Kuala Lumpur (11,774 kes), Pulau Pinang (6,832 kes) dan Perak (5,809 kes). Antara punca utama kebangkrapan berlaku meliputi pinjaman peribadi (27.76%), sewa beli kenderaan (24.73%), pinjaman perumahan (14.09%) dan kad kredit (9.91%). Jumlah petisyen yang difailkan setiap hari adalah 76 petisyen dan jumlah kes yang didaftarkan setiap hari ialah 45 kes. Individu yang berumur di antara 35 hingga 44 tahun mengalami kebangkrapan paling tinggi iaitu sebanyak 34.64%. Dari segi jantina pula, dua pertiga merupakan lelaki (69.5%), manakala selebihnya wanita (30.5%). Dari segi kumpulan etnik, kaum Melayu diisytiharkan muflis dengan peratusan paling tinggi (55.31%), diikuti kaum Cina (26.69%), India (11.95%) dan lain-lain (4.3%).

Oleh itu, salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan ialah kempen kesedaran rakyat dalam celik kewangan dan membolehkan mereka membuat keputusan kewangan bermaklumat dan berkesan. Kadar celik kewangan yang rendah menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia muflis. Oleh itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) dan Social Wellbeing Research Centre (SWRC) telah melancarkan “Belanjawanku” pada Mac 2019 sebagai panduan keseluruhan perbelanjaan untuk isi rumah Malaysia yang berbeza etnik. Belanjawanku adalah panduan perbelanjaan bagi isi rumah yang diperlukan selama sebulan untuk mempunyai taraf hidup yang sempurna. Sebagai contoh, bagi bujang yang tidak memiliki kereta memerlukan sekurang-kurangnya RM1,870 untuk perbelanjaan pengangkutan awam, sewa bilik, makanan, perumahan dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan bujang yang memiliki kereta; mereka lebih memperuntukkan perbelanjaan untuk pengangkutan dan perbelanjaan tahunan (penyelenggaraan kenderaan, cukai jalan dan insurans) dengan anggaran sekurang-kurangnya RM2,490 (beza RM620) diperlukan. Sebaliknya, pengguna pengangkutan awam (LRT, monorel, KTM atau bas) dapat berjimat-cermat untuk kegunaan perbelanjaan yang lain (KWSP 2019).

Selain itu, Bank Negara Malaysia (2018) menyatakan pelbagai inisiatif kerajaan telah dijalankan untuk mengurangkan tekanan kos sara hidup seperti upah minimum yang lebih tinggi, harga siling terhadap harga runcit bahan api dan geran tunai melalui Bantuan Sara Hidup akan memberi sokongan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Merujuk laporan Institut Penyelidikan Khazanah (2018), kesan inflasi telah menyebabkan isi rumah berpendapatan di bawah RM5,000 kurang berbelanja untuk makanan selain daripada rekreasi dan khidmat budaya. Menurut Saidatulakmal dan Hooi (2015), inflasi boleh mengurangkan kuasa membeli dan kadar faedah sebenar serta mengurangkan nilai simpanan.

Berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (2017c), secara keseluruhan kira-kira 69.1% daripada perbelanjaan utama isi rumah di Malaysia diperuntukkan kepada empat kategori utama iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (24%); makanan dan minuman bukan alkohol (18%); pengangkutan (13.7%); serta restoran dan hotel (13.4%). Menurut Selamah dan Jarita (2010), pendapatan dengan jumlah keseluruhan serta perbelanjaan tertentu adalah saling berkaitan secara positif. Tahap pendapatan yang tinggi menunjukkan tahap perbelanjaan yang lebih tinggi untuk pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Institut Penyelidikan Khazanah (2018) turut melaporkan pendapatan isi rumah di bawah RM2,000 (B40) pada tahun 2016 telah meningkat 2.9% untuk perbelanjaan penggunaan barangan iaitu 94.8% daripada pendapatan mereka berbanding dengan tahun 2014 sebanyak 91.9%. Dengan mengambil kira inflasi, berlaku pengurangan hanya RM76 pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2014 iaitu RM124. Impaknya, kategori B40 berpotensi untuk terdedah kepada kejutan ekonomi atau kecemasan. Pendapatan median isi rumah (M40) pada tahun 2016 ialah RM5,228, kira-kira 67% daripada pendapatan digunakan untuk perbelanjaan isi rumah, meningkat daripada 65.1% pada tahun 2014. Kumpulan ini membelanjakan makanan sebagai perbelanjaan utama dan mendorong kenaikan inflasi yang tinggi terhadap makanan. Akhir sekali, isi rumah berpendapatan melebihi RM15,000 (T20) pada tahun 2016 juga mengalami peningkatan dalam perbelanjaan sebanyak 45% berbanding tahun 2014 iaitu 41.9%. Perbelanjaan kumpulan ini lebih kepada makanan, servis hiburan dan budaya (Institut Penyelidikan Khazanah 2018).

Kerajaan telah membuat pengkelasan pendapatan isi rumah melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), 2016–2020, kepada tiga kategori iaitu terendah (B40), pertengahan (M40) dan tertinggi (T20).

Jadual 1 menunjukkan julat pendapatan isi rumah untuk B40, M40 dan T20 pada tahun 2012, 2014 dan 2016. Menurut laporan keadaan isi rumah 2018, julat pendapatan isi rumah B40 meningkat sebanyak RM805 pada tahun 2012 kepada RM3,050 hingga RM3,855 pada tahun 2014. Seterusnya, agihan pendapatan isi rumah B40 telah meningkat sebanyak RM505 dari tahun 2014 hingga 2016.

Jadual 1: Julat pendapatan untuk kategori pendapatan B40, M40 dan T20 pada tahun 2012, 2014 dan 2016

Kategori	2012	2014	2016
B40	< RM3,050	< RM3,859	< RM4,360
M40	RM3,051–RM6,950	RM3,860–RM8,319	RM4,361–RM9,619
T20	> RM6,950	> RM8,320	≥ RM9,620

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2017b)

Jadual 2 menunjukkan pendapatan bagi miskin tegar dan miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per isi rumah yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, Portal Pembasmian Kemiskinan (eKasih) menggunakan PGK 2016 pada 2 Januari 2019 bagi penentuan status kemiskinan terkini dan perubahan purata pendapatan per isi rumah melalui data eKasih seperti Jadual 3.

Jadual 2: Kategori miskin dan miskin tegar berasaskan PGK di Semenanjung Malaysia

Kategori	2012	2014	2016
Miskin	RM830	RM930	RM960
Miskin tegar	RM520	RM580	RM600

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2017b), eKasih (2019)

Jadual 3: Purata pendapatan isi rumah bagi kategori miskin dan miskin tegar

Kategori	2014	2016
Miskin	RM950	RM980
Miskin tegar	RM600	RM619

Sumber: eKasih (2019)

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2017b), isi rumah dianggap miskin jika pendapatan kurang daripada nilai PGK yang diperlukan iaitu kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi

setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatannya kurang daripada nilai PGK makanan yang diperlukan. Khoo et al. (2018) menjelaskan purata pendapatan di bawah ambang garis kemiskinan merupakan keluarga atau individu yang dianggap sebagai kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan asas bagi kehidupan yang sihat; dalam erti kata lain, mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi untuk menyediakan makanan, tempat tinggal dan pakaian yang diperlukan untuk memelihara kesihatan. Walau bagaimanapun, perbezaan antara pendapatan isi rumah adalah dari segi lokasi geografi, perbelanjaan dan ketidaksamaan. Sebagai contoh, isi rumah T20 di Kelantan mungkin menjadi isi rumah B40 di Kuala Lumpur.

Kepentingan artikel ini untuk melihat hubungan penggunaan mampan dalam perbelanjaan isi rumah memandangkan konsep penggunaan mampan adalah untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals 12. Menurut Siti Khatijah dan Perumal (2016), definisi penggunaan mampan merupakan suatu corak pemikiran yang mengambil kira keseimbangan antara persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan peningkatan kualiti hidup yang lebih baik. Amalan kesederhanaan perlu dipraktikkan oleh pengguna agar dapat menyumbang ke arah pemeliharaan alam sekitar, penjimatan kewangan dan memenuhi keperluan sosial seperti akses kesihatan dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan mampan merupakan indikator yang penting dalam perbelanjaan isi rumah.


Oleh itu, tujuan artikel ini untuk mengenal pasti analisis hubungan antara profil kategori pendapatan isi rumah Melayu T20, M40 dan B40 dengan tingkah laku penggunaan utama yang diperlukan bagi pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan. Kajian dijalankan oleh Noorhaslinda (2016) yang memfokuskan kepada isi rumah Muslim di Kelantan dan Selangor dengan penekanan terhadap pemboleh ubah “keagamaan”. Kajian beliau memberi penekanan terhadap bagaimana faktor keagamaan mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah dari pelbagai latar belakang pendapatan. Selain itu, tumpuan kajian di Kelantan dan Selangor berdasarkan kepada KDNK per kapita yang tertinggi dan juga yang terendah bagi tahun 2013 melalui perbandingan yang dijalankan. Justeru, kajian ini hanya menumpukan kepada negeri Terengganu sahaja berdasarkan kekangan dan limitasi kewangan.

Terdapat kekurangan penyelidikan yang mengkaji berkenaan corak perbelanjaan penggunaan mampan dalam kalangan isi rumah Melayu B40, M40 dan T20 di Terengganu. Persoalannya, sejauh mana tingkah laku isi rumah Melayu berbelanja mengikut saranan Islam ke arah penggunaan mampan berdasarkan perbezaan

kategori pendapatan iaitu T20, M40 dan B40. Diharapkan kajian ini dapat memberikan pemahaman mengenai tingkah laku pengguna yang mempengaruhi corak perbelanjaan penggunaan mampan mengikut keadaan semasa bagi ketiga-tiga kategori pendapatan tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini melibatkan seramai 635 responden (isi rumah Melayu) di Terengganu dan berada pada tangga ke-10 bagi KDNK per kapita iaitu (RM27,268) sebagaimana yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2017a). Berdasarkan Rajah 1 yang merujuk Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, Putrajaya mencatat kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 10.7%, diikuti Terengganu (10.4%) yang melebihi kadar pertumbuhan nasional sebanyak 6.0% bagi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017c).



Rajah 1: Perbelanjaan penggunaan isi rumah purata bulanan mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 2014 dan 2016.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2017c)

Menerusi Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 pula, Terengganu telah mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah bulanan penengah sebanyak RM4,694 (10.9%) pada tahun 2016 dibandingkan dengan tahun 2014 iaitu sebanyak RM3,777. Terengganu juga mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi bagi pendapatan isi rumah bulanan purata iaitu sebanyak RM5,776 (9.1%) dengan melebihi 6.2% daripada kadar purata pertumbuhan nasional (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017b). Kes kemiskinan di Terengganu semakin berkurangan dari tahun 2014 (0.6%) hingga 2016 (0.4%); manakala kes kemiskinan di bandar tidak mengalami perubahan (0.4%) tetapi terdapat penurunan kes di luar bandar dari 1.0% kepada 0.5% (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017d).

Oleh itu, negeri Terengganu dipilih kerana bersesuaian dengan tujuan kajian ini disebabkan majoriti penduduk merupakan golongan Melayu dengan kedudukan sosioekonominya. Sebanyak lapan daerah di Terengganu telah dipilih untuk kajian soal selidik iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang dan Setiu. Formula berikut berdasarkan kepada saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

$$\text{Bilangan sampel} = \frac{\text{Bilangan populasi di setiap kawasan}}{1,161,000} \times 500$$

Jadual 4: Jumlah populasi dan bilangan responden mengikut daerah (yang diguna pakai selepas proses penormalan)

Daerah	Populasi	Isi rumah (Melayu)	Cadangan bilangan responden	Bilangan responden
Besut (termasuk Pulau Perhentian)	163,500	156,900	100	100
Dungun	174,400	165,900	106	86
Hulu Terengganu	82,700	77,900	50	50
Kemaman	208,900	192,200	123	93
Kuala Terengganu	187,400	174,800	112	97
Kuala Nerus (termasuk Pulau Redang)	176,500	164,600	105	105
Marang	104,100	98,500	64	64
Setiu	63,500	61,500	40	40
Jumlah	1,161,000	1,092,300	700	635



Krejcie dan Morgan (1970) menyatakan populasi untuk 100,000 orang seharusnya memerlukan maksimum 384 responden. Sampel kajian ini telah melebihi 384 iaitu 635 responden (rujuk Jadual 4) dan dijalankan dengan menggunakan persampelan rawak berstrata. Responden telah dikelaskan kepada tiga kategori pendapatan iaitu T20, M40 dan B40. Kajian ini telah dijalankan dengan pengedaran borang soal selidik dan unit analisis kajian ialah ketua isi rumah serta isi rumah Melayu dipilih sebagai responden untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah dengan mengikut kategori pendapatan isi rumah. Kajian ini menganalisis hubungan antara tingkah laku penggunaan terhadap pendapatan, pekerjaan, pendidikan, tanggungan, tabungan, kesihatan dan umur sebagai pemboleh ubah bebas.

## ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5 yang meliputi pelbagai latar belakang responden iaitu jantina, status perkahwinan, umur, pendidikan, tanggungan, pekerjaan, pendapatan dan jumlah perbelanjaan.

Jadual 5: Profil responden dan kategori pendapatan

Profil responden	Kategori pendapatan			Jumlah N = 635 (%)
	B40 N = 410 (%)	M40 N = 174 (%)	T20 N = 51 (%)	
<b>Jantina</b>				
Lelaki	327 (79.8)	153 (87.9)	43 (84.3)	523 (82.4)
Perempuan	83 (20.2)	21 (12.1)	8 (15.7)	112 (17.6)
<b>Status perkahwinan</b>				
Bujang	26 (6.3)	8 (4.6)	0 (0)	34 (5.4)
Berkahwin	301 (73.4)	145 (83.3)	44 (86.3)	490 (77.2)
Duda/janda	83 (20.2)	21 (12.1)	7 (13.7)	111 (17.5)
<b>Umur</b>				
15 hingga 30 tahun	20 (4.9)	3 (1.7)	1 (2.0)	24 (3.8)
31 hingga 64 tahun	286 (69.8)	130 (74.7)	37 (72.5)	453 (71.3)
65 tahun dan ke atas	104 (25.4)	41 (23.6)	13 (25.5)	158 (24.9)

(bersambung)

Jadual 5 (sambungan)

Profil responden	Kategori pendapatan			Jumlah N = 635 (%)
	B40 N = 410 (%)	M40 N = 174 (%)	T20 N = 51 (%)	
<b>Tahap pendidikan</b>				
Tidak bersekolah	29 (7.1)	8 (4.6)	2 (3.9)	39 (6.1)
Sekolah rendah/agama (Darjah 6)	125 (30.5)	43 (24.7)	14 (27.5)	182 (28.7)
PMR/SRP ke bawah	76 (18.5)	24 (13.8)	3 (5.9)	103 (16.2)
SPM	139 (33.9)	69 (39.7)	11 (21.6)	219 (34.5)
Sijil/STPM/Diploma	36 (8.8)	20 (11.5)	9 (17.6)	65 (10.2)
Ijazah dan ke atas	5 (1.2)	10 (5.75)	12 (23.5)	27 (4.3)
<b>Tanggungjawab</b>				
Tiada tanggungan	17 (4.1)	5 (2.9)	2 (3.9)	24 (3.8)
1–3 orang	212 (51.7)	63 (36.2)	17 (33.3)	292 (46.0)
4–6 orang	154 (37.6)	80 (46.0)	22 (43.1)	256 (40.3)
7–9 orang	27 (6.6)	22 (12.6)	8 (15.7)	57 (9.0)
10–13 orang	0 (0.0)	4 (2.3)	2 (3.9)	6 (0.9)
<b>Pendapatan</b>				
RM960 dan ke bawah (Miskin tegar)	15 (3.7)	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (2.4)
RM961–RM1,500 (Miskin)	28 (6.8)	0 (0.0)	0 (0.0)	28 (4.4)
RM1,501–RM4,360 (B40)	367 (89.5)	0 (0.0)	0 (0.0)	367 (57.8)
RM4,361–RM9,619 (M40)	0 (0.0)	174 (100.0)	0 (0.0)	174 (27.4)
RM9,620 dan ke atas (T20)	0 (0.0)	0 (0.0)	51 (100.0)	51 (8.0%)
<b>Jumlah perbelanjaan</b>				
RM999 dan ke bawah	219 (53.4)	46 (26.4)	8 (15.7)	273 (43.0)
RM1,000–RM1,999	166 (40.5)	74 (42.5)	13 (25.5)	253 (39.8)
RM2,000–RM2,999	22 (5.4)	33 (19.0)	8 (15.7)	63 (9.9)
RM3,000–RM3,999	3 (0.7)	7 (4.0)	6 (11.8)	16 (2.5)
RM4,000–RM4,999	0 (0)	8 (4.6)	9 (17.6)	17 (2.7)
RM5,000–RM5,999	0 (0)	4 (2.3)	2 (3.9)	6 (0.9)
RM6,000–RM6,999	0 (0)	1 (0.6)	2 (3.9)	3 (0.5)
RM7,000–RM7,999	0 (0)	1 (0.6)	1 (2.0)	2 (0.3)
RM10,000–RM10,999	0 (0)	0 (0)	1 (2.0)	1 (0.2)
RM11,000 dan ke atas	0 (0)	0 (0)	1 (2.0)	1 (0.2)

Jadual 5 menunjukkan seramai 635 orang responden yang terdiri daripada 523 (82.4%) responden lelaki dan 112 (17.6%) responden wanita. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berstatus berkahwin iaitu seramai 490 (77.2%), diikuti oleh 111 (17.5%) responden berstatus duda/janda dan seramai 34 (5.4%) responden berstatus bujang. Dari segi umur, didapati bahawa julat umur yang paling ramai adalah dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun (22.7%), manakala julat umur yang paling sedikit melibatkan responden yang berumur di antara 80 hingga 90 tahun (2.0%). Tahap pendidikan responden secara majoritinya adalah pada tahap PMR/SRP dan ke bawah iaitu seramai 103 (16.2%) manakala secara minoritinya tahap pendidikan responden adalah pada tahap ijazah dan ke atas iaitu seramai 27 (4.3%). Seterusnya, bilangan tanggungan isi rumah menunjukkan majoriti responden mempunyai tanggungan seramai 1 hingga 3 orang (46.0%) manakala hanya 6 orang (0.9%) responden yang mempunyai jumlah tanggungan melebihi 10 orang. Tahap pendapatan kasar responden pula menunjukkan secara majoritinya seramai 305 orang (48.0%) responden mempunyai julat pendapatan antara RM2,001 hingga RM4,000. Jumlah perbelanjaan responden pula menunjukkan secara majoritinya seramai 273 orang (43.0%) responden yang membelanjakan antara RM999 ke bawah. Kumpulan pekerjaan ketua isi rumah pula menunjukkan bahawa majoriti responden terlibat dalam bidang pekerjaan bekerja sendiri atau pekerja perkhidmatan dan jualan iaitu seramai 121 (19.1%) (lihat Jadual 6).

Jadual 6: Hubungan kumpulan pekerjaan dengan kategori pendapatan

Kumpulan pekerjaan	B40 N (%)	M40 N (%)	T20 N (%)	Jumlah N (%)
<b>Mahir</b>				
Pengurus	2 (0.5)	2 (1.1)	2 (3.9)	6 (0.9)
Profesional	4 (1.0)	16 (9.2)	17 (33.3)	37 (5.8)
Juruteknik dan profesional bersekutu	15 (3.7)	14 (8.1)	5 (9.8)	34 (5.4)
<b>Separuh mahir</b>				
Pekerja sokongan perkeranian	15 (3.7)	7 (4.0)	0 (0)	22 (3.5)
Pekerja perkhidmatan dan jualan	93 (22.7)	27 (15.5)	1 (2.0)	121 (19.1)
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	56 (13.7)	18 (10.3)	2 (3.9)	76 (12.0)
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	20 (4.9)	12 (6.7)	2 (3.9)	34 (5.4)
Operator mesin dan loji, dan pemasang	33 (8.1)	13 (7.5)	1 (2.0)	47 (7.4)

(bersambung)

Jadual 6 (sambungan)

Kumpulan pekerjaan	B40 N (%)	M40 N (%)	T20 N (%)	Jumlah N (%)
Berkemahiran rendah				
Pekerja asas	79 (19.3)	16 (9.2)	1 (2.0)	96 (15.1)
Lain-lain				
Angkatan tentera	1 (0.2)	1 (0.6)	1 (2.0)	3 (0.5)
Pesara	20 (4.9)	24 (13.8)	9 (17.7)	53 (8.4)
Tidak bekerja	72 (17.6)	24 (13.8)	10 (19.6)	106 (16.7)
Jumlah	410	174	51	635

Sumber: Klasifikasi pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 dalam Jabatan Perangkaan Malaysia (2017b)

Jadual 7 menunjukkan model regresi ini telah menolak hipotesis *null* untuk ANOVA. Oleh itu, nilai  $F$  (235.882,  $df = 3$ ) adalah signifikan. Justeru, pemboleh ubah tidak bersandar diterima bagi menunjukkan hubungan *varians* dengan pemboleh ubah bersandar dan penganggaran model regresi adalah bersesuaian dengan data secara statistik. Mengikut cadangan Guilford (1957), kekuatan hubungan antara ketiga-tiga kategori pendapatan adalah berkorelasi tinggi iaitu nilai  $R$  (0.727) yang menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara dua pemboleh ubah pada tahap 0.05. Jumlah tiga pemboleh ubah dapat memberi penerangan 52.6% *varians* ( $R^2$  terlaras) terhadap pembangunan mampan ( $R^2 = 0.529$ ).

Jadual 7: ANOVA bagi penggunaan mampan

Model	Sum of square	df	Mean square	F	Sig.
Regresi	513.765	3	171.255	235.882	0.000***
Baki	458.118	631	0.726		
Jumlah	971.883	634			

Nota:  $R = 0.727$ ,  $R^2 = 0.529$ ,  $R^2$  terlaras = 0.526; \*\*\* Signifikan pada aras keertian 0.01

Jadual 8 menunjukkan keputusan regresi bagi faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah ke arah penggunaan mampan. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga faktor signifikan (pendapatan, pendidikan dan tabungan) yang mempengaruhi seseorang dalam melakukan perbelanjaan dan seterusnya mempengaruhi tahap kemampanan perbelanjaan penggunaan seseorang. Jadual 9 juga menunjukkan regresi untuk hubungan kolerasi dan signifikan positif yang tinggi mengikut kategori pendapatan bagi B40 ( $R = 0.651$ , sederhana), diikuti M40

( $R = 0.548$ , sederhana) dan T20 ( $R = 0.744$ , tinggi). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah bagi model ini adalah bersesuaian untuk kajian yang dijalankan.

Jadual 8: Hasil regresi bagi faktor yang mempengaruhi penggunaan mampan

Faktor	Pekali piawai		<i>t</i>	Sig.
	<i>B</i>	Ralat piawai		
Pemalar	0.897	0.095	9.439	0.000
Pendapatan	0.000	0.000	18.743	0.000***
Pekerjaan	0.005	–	0.155	0.877
Pendidikan	0.098	0.031	3.187	0.002**
Tanggungjawab	0.039	–	1.413	0.158
Tabungan	0.000	0.000	2.859	0.004**
Kesihatan	–0.033	–	0.262	0.158
Umur	–0.005	–	–0.152	0.879

Nota: Pemboleh ubah bersandar = penggunaan mampan (nilai indeks); \*\*\*, \*\* dan \* menunjukkan signifikan pada 1%, 5% dan 10%

Jadual 9: Hubungan kolerasi dan ANOVA mengikut kategori pendapatan

Kategori pendapatan	<i>R</i>	<i>F</i>	Sig.	<i>df</i>	Null hipotesis
B40	0.651	39.572	0.000	4	Pendapatan, pendidikan, tanggungan dan tabungan
M40	0.548	24.292	0.000	3	Pendapatan, umur, kesihatan
T20	0.744	60.902	0.000	1	Pendapatan

Kajian ini menggunakan kaedah regresi berganda untuk menganalisis hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengguna terhadap penggunaan mampan dalam kalangan tiga kategori pendapatan isi rumah. Pemboleh ubah bersandar ialah jumlah perbelanjaan, manakala faktor-faktor demografi yang digunakan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pendapatan, pekerjaan, pendidikan, tanggungan, tabungan, kesihatan dan umur. Tujuh faktor demografi ini digunakan kerana ia relevan untuk menjelaskan perbelanjaan penggunaan mampan dan lebih menumpukan kepada perspektif sosiologi ekonomi. Menurut Weber (1978), sosiologi ekonomi merupakan suatu disiplin ilmu yang menumpukan diri dalam tindakan ekonomi mengikut ruang lingkup dimensi sosial. Seiringan itu juga, analisis regresi berganda menunjukkan bahawa

faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah mempunyai hubungan yang signifikan dan memberi kesan kepada penggunaan mampan dalam kalangan kategori pendapatan.

Jadual 10 menunjukkan bahawa proksi tingkah laku pengguna bagi ketiga-tiga kategori tersebut ditunjukkan oleh pemboleh ubah pendapatan yang mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan perbelanjaan penggunaan mampan. Hal ini menunjukkan bahawa perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah banyak dipengaruhi oleh tingkah laku dalam pendapatan. Kategori B40 menunjukkan hubungan positif antara tingkah laku pendapatan dan perbelanjaan dengan pekali tertinggi bagi faktor pendidikan (0.105), faktor tanggungan (0.002) dan faktor tabungan (0.000). Bagi faktor pendidikan, jika seseorang mempunyai pendidikan lebih tinggi, maka mereka mempunyai pemikiran yang lebih baik dalam mengatur perbelanjaan yang dilakukan. Manakala bagi faktor tanggungan, jika seseorang mempunyai bilangan tanggungan ramai, maka B40 memerlukan perancangan kewangan yang baik bagi perbelanjaan keperluan untuk terus bertahan. Faktor tanggungan pula mendapati jika seseorang memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tabungan, maka bahagian pendapatan mereka untuk melakukan perbelanjaan adalah semakin berkurang. Seterusnya, bagi kategori M40 (mencatatkan pekali tertinggi), dapatan menunjukkan terdapat hubungan negatif bagi faktor kesihatan (-0.372) dan faktor umur (-0.572). Walaupun tahap perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah adalah kurang bagi kesihatan dan umur, namun jumlah perbelanjaan pendapatan isi rumah tetap meningkat.

Jadual 10: Faktor yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan dalam kalangan isi rumah Melayu B40, M40 dan T20

Pemboleh ubah tidak bersandar	Perbelanjaan penggunaan mampan mengikut kategori pendapatan		
	B40	M40	T20
Pendapatan	0.000*** (0.000)	0.000*** (0.000)	0.000*** (0.000)
Pekerjaan	-0.006 (0.702)	-0.084 (0.738)	0.061 (0.587)
Pendidikan	0.105*** (0.000)	0.131 (0.670)	-0.021 (0.858)
Tanggungan	0.081** (0.002)	-0.032 (0.987)	-0.124 (0.197)
Tabungan	0.000** (0.003)	0.061 (0.868)	0.094 (0.377)

(bersambung)

Jadual 10 (*sambungan*)

Pemboleh ubah tidak bersandar	Perbelanjaan penggunaan mampan mengikut kategori pendapatan		
	B40	M40	T20
Kesihatan	-0.009 (0.834)	-0.372** (0.019)	0.094 (0.377)
Umur	-0.018 (0.747)	-0.572** (0.005)	0.039 (0.702)

Nota: \*\*\*, \*\* dan \* menunjukkan signifikan pada 1%, 5% dan 10%

Bagi faktor kesihatan, apabila seseorang mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap kesihatan, mereka akan cenderung untuk mendapat penyakit dan secara langsung mereka memerlukan peruntukan kewangan bagi kos perubatan. Faktor umur bagi kategori M40 menunjukkan bahawa individu berbelanja untuk memenuhi kehendak kerana mempunyai tahap kewangan yang stabil berbanding kategori B40. Bagi kategori T20, hanya faktor pendapatan mencatatkan pekali tertinggi dan signifikan (0.000). Seseorang yang mempunyai pendapatan yang tinggi dikatakan mempunyai kecenderungan untuk melakukan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi dalam memenuhi tuntutan keperluan dan kehendak yang tidak terbatas. Kategori B40, M40 dan T20 bagi faktor tingkah laku pendapatan mempunyai pekali yang signifikan pada tahap 1%. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peningkatan tahap dalam corak perbelanjaan penggunaan mampan oleh ketiga-tiga kategori pendapatan banyak dipengaruhi oleh tingkah laku mereka (yang ditunjukkan oleh pemboleh ubah pendapatan).

## PERBINCANGAN

Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa faktor tingkah laku pengguna yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah bagi ketiga-tiga kategori pendapatan adalah faktor pendapatan. Apabila seseorang mempunyai jumlah pendapatan yang tinggi, maka jumlah perbelanjaan isi rumah juga akan turut meningkat. Kajian oleh Suhaily, Afida Mastura dan Cham (2001) menunjukkan bahawa apabila pendapatan bulanan keluarga meningkat, tingkah laku dalam pembelian akan meningkat serta cenderung untuk menggunakan barangan dan perkhidmatan yang berbeza atau mereka akan bertukar kepada barangan yang lebih berkualiti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendapatan mempunyai hubungan positif dengan tahap perbelanjaan penggunaan mampan isi rumah. Jumlah perbelanjaan terhadap barangan pelengkap hidup akan meningkat selaras dengan kenaikan pendapatan yang diperoleh oleh isi rumah. Jika dibuat perbandingan melalui ketiga-tiga kategori pendapatan, hasil kajian menunjukkan



bahawa kategori T20 lebih mengutamakan perbelanjaan yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup selaras dengan jumlah pendapatan yang diperoleh. Perkara yang sama juga ditunjukkan oleh kategori M40. Secara umumnya, kategori M40 mempunyai tingkat pendapatan yang lebih tinggi daripada kategori B40. Justeru, mereka juga akan mengutamakan perbelanjaan terhadap komponen yang lebih memberi pelengkap kepada hidup mereka seperti pakaian dan perumahan. Manakala kategori B40 pula lebih mengutamakan perbelanjaan terhadap keperluan asas berbanding barangan kehendak atau barangan berbentuk kesejahteraan atau kemewahan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dapat mengenal pasti faktor demografi yang mempengaruhi perbelanjaan penggunaan mampun isi rumah Melayu di Terengganu berdasarkan kategori pendapatan. Dapatan yang diperoleh mencerminkan sejauh mana isi rumah berinteraksi dengan persekitaran ekonomi dan sosial untuk memenuhi keperluan asasi. Namun disebabkan oleh pengaruh gaya hidup masa kini dan faktor-faktor desakan kehidupan menyebabkan perbelanjaan yang dilakukan lebih kepada tuntutan untuk memuaskan kehendak yang tidak terbatas. Justeru, antara intipati utama yang dapat diketengahkan ialah “gaya hidup mewah” iaitu budaya materialistik mengikut arus kepesatan dunia yang serba digital. Seterusnya, kewujudan sistem ekonomi kapitalis yang didominasi oleh golongan pemikir Barat menyebabkan masyarakat Melayu berpegang kuat kepada konsep utiliti (kepuasan) dan meminggirkan nilai-nilai Islam dalam menghayati konsep penggunaan. Akhir sekali, kelemahan dalam pengetahuan penggunaan perbelanjaan masa kini menyebabkan kebanyakan masyarakat dunia berlumba-lumba mencari kemewahan, kebendaan, darjat atau pangkat dan seumpamanya.

Justeru, pengetahuan pengurusan pendapatan dan perbelanjaan perlu diterapkan dalam jiwa setiap individu bagi memastikan perbelanjaan penggunaan mampun diamalkan dalam kehidupan seharian. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan agar Matlamat Pembangunan Lestari yang merangkumi 17 indikator dapat direalisasikan sepenuhnya ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di samping menyediakan taraf hidup yang wajar menjelang tahun 2030 sebagaimana laungan kerajaan terhadap Wawasan Kemakmuran Bersama.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di bawah geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Vot 59446) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi 2016–2018 dengan tajuk penyelidikan “Modelling the Survivability Indicator for Sustainable Consumption Among Muslim Household Income Group of B40, M40 and T20”. Penulis menghargai sumbangan Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu, pembantu penyelidik (Nur Afifah Rahizal) dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Azrin Adnan. 2011. Islamic consumer behavior (ICB): Its why and what. *International Journal of Business and Social Science* 2(21): 157–165.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). 2018a. Annual report 2018: Helping Malaysians manage personal finances. [https://www.akpk.org.my/sites/default/files/e-annual%20report%202018\\_1.pdf](https://www.akpk.org.my/sites/default/files/e-annual%20report%202018_1.pdf) (accessed 14 July 2019).
- . 2018b. Financial behaviour and state of financial well-being of Malaysian working adults: AKPK financial behaviour survey 2018. [https://power.akpk.org.my/FEPVirtual/Temp/publication/20191210105601\\_AKPK\\_Financial%20Behaviour%20and%20State%20of%20Finanical%20Well-being%20of%20Malaysian%20Working%20Adult.pdf](https://power.akpk.org.my/FEPVirtual/Temp/publication/20191210105601_AKPK_Financial%20Behaviour%20and%20State%20of%20Finanical%20Well-being%20of%20Malaysian%20Working%20Adult.pdf) (accessed 14 July 2019).
- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behavior. In *Action control: From cognition to behavior*, eds. J. Kuhl J. and J. Beckman, 11–39. Heidelberg: Springer.
- Atkinson, A. and F. Messy. 2012. Measuring financial literacy: Results of the OECD/ International Network on Financial Education (INFE) pilot study. OECD working papers on finance, insurance and private pensions, no. 15, OECD Publishing. <https://www.oecd-ilibrary.org/docserver/5k9csfs90fr4-en.pdf?expires=1612666734&id=id&accname=guest&checksum=3D6D388981A7DFCD82371E3666DCB77B> (accessed 4 September 2019).
- Bank Negara Malaysia. 2018. Financial stability and payment systems report 2018. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/856365/fs2018\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/856365/fs2018_book.pdf) (accessed 13 July 2019).
- Bialowolski, P. 2019. Economic sentiment as a driver for household financial behaviour. *Journal of Behavioral and Experimental Economics* 80: 59–66. <https://doi.org/10.1016/j.socec.2019.03.006>
- Biljanovska, N. and S. Palligkinis. 2015. Control thyself: Self-control failure and household wealth. SAFE working paper no. 69. <https://ssrn.com/abstract=2509080> (accessed 16 July 2019).

- Campbell, M.C. 1995. When attention-getting advertising tactics elicit consumer inferences of manipulative intent: The importance of balancing benefits and investments. *Journal of Consumer Psychology* 4(3): 225–254. [https://doi.org/10.1207/s15327663jcp0403\\_02](https://doi.org/10.1207/s15327663jcp0403_02)
- Elia Syarafina Abdul Shakur, Ahmad Fariz Mohamed and Abdul Samad Abdul Hadi. 2018. Homeownership conceptual framework for urban livability. *International Journal of the Malays World and Civilisation* 6(Special Issue 1): 47–55.
- \_\_\_\_\_. 2017. Housing affordability factors for urban liveability: A preliminary study. *International Journal of Property Science* 7(1): 1–14. <https://doi.org/10.22452/ijps.vol7no1.1>
- \_\_\_\_\_. 2016. Analysing ability factors for housing ownership towards urban livability. The 13th International Asian Urbanization Conference. Regional development study program. Faculty of Geography, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia. 6–8 January 2016.
- Farzana Quoquab, Nor Liza Abdullah and Maisarah Ahmad. 2015. Epicureanism and global consumerism in shaping Muslim buyers' consumption pattern: An Islamic perspective. *International Journal of Innovation and Business Strategy* 3(1): 1–12.
- Friedman, M. 1957. *A theory of the consumption function*. Princeton: Princeton University Press.
- Guilford, J.P. 1957. Creative abilities in the arts. *Psychological Review* 64(2): 110–118. <https://doi.org/10.1037/h0048280>
- Gunnarsson, J. and R. Wahlund. 1997. Household financial strategies in Sweden: An exploratory study. *Journal of Economic Psychology* 18: 201–233. [https://doi.org/10.1016/S0167-4870\(97\)00005-6](https://doi.org/10.1016/S0167-4870(97)00005-6)
- Hamza Salim Lutfi Khraim. 2000. The effect of religiosity, socioeconomic status and ethnic intensity on the Malay consumers' purchasing decisions. PhD diss., Universiti Sains Malaysia.
- Hamilton, J. 2018. *Advertising and media research*. Scientific e-Resources. United Kingdom: ED-Tech Press.
- Hirschman, E.C. 1983. Religious affiliation and consumption process: An initial paradigm. *Journal of Research in Marketing* 6: 131–170.
- Institut Penyelidikan Khazanah. 2018. *The state of households 2018: Different realities*. 3rd ed. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Khazanah.
- Jabatan Insolvency Malaysia. 2019. *Kebankrapan*. Putrajaya: Jabatan Insolvency Malaysia. <http://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/StatistikKebankrapandisember2018.pdf> (accessed 9 September 2019).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017a. *Keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=102&bul\\_id=VS9Gckp1UUpKQUFWS1JHUnJZS2xzd09&menu\\_id=TE5CRUZCb1h4ZTZMODZ1bmk2aWRRQT09](https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=102&bul_id=VS9Gckp1UUpKQUFWS1JHUnJZS2xzd09&menu_id=TE5CRUZCb1h4ZTZMODZ1bmk2aWRRQT09) (accessed 12 April 2019).

- . 2017b. *Laporan penyiataan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=bm5MMldnTFEzb0k0TEwrTdWb0ZjUT09> (accessed 6 June 2019).
- . 2017c. *Laporan penyiataan perbelanjaan isi rumah 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=V3R4SHBmeUhdUWIETjZUbXdWbXB2dz09> (accessed 6 June 2019).
- . 2017d. *Laporan penyiataan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran - Terengganu 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia. [https://uploads-ssl.webflow.com/5d14ef3beaa3ed3bcb066799/5da0b256718f35dc29b0b3a9\\_Laporan%20BHS%20%20Malaysia%202016.pdf](https://uploads-ssl.webflow.com/5d14ef3beaa3ed3bcb066799/5da0b256718f35dc29b0b3a9_Laporan%20BHS%20%20Malaysia%202016.pdf) (accessed 6 June 2019).
- Keynes, J.M. 1936. *The general theory of employment, interest in money*. London: Macmillan.
- Khoo, S.L., Mohamad Shaharudin Samsurijan, P.S. Gopal, Nor Malina Malek and Zahri Hamat. 2018. Urban poverty alleviation strategies from multidimensional and multi-ethnic perspectives: Evidences from Malaysia. *Kajian Malaysia* 36(2): 43–68. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.3>
- Krejcie, R.V. and D.W. Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607–610.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). 2019. EPF launches expenses guide 'Belanjawanku'. <http://www.kwsp.gov.my/en/-/epf-launches-expenses-guide-belanjawanku-> (accessed 8 July 2019).
- Leßmann, O. and T. Masson. 2015. Sustainable consumption in capability perspective: Operationalization and empirical illustration. *Journal of Behavioral and Experimental Economics* 57: 64–72. <https://doi.org/10.1016/j.socec.2015.04.001>
- Leßmann, O. and F. Rauschmayer. 2013. Re-conceptualising sustainable development on the basis of the capability approach: A model and its difficulties. *Journal of Human Development and Capabilities* 14: 95–114. <https://doi.org/10.1080/19452829.2012.747487>
- Lehning, A. and A. Harmon. 2013. *Livable community indicators for sustainable aging in place*. New York: Mature Market Institute.
- Lunt, P.K. and S.M. Livingstone. 1991. Psychological, social and economic determinants of saving: Comparing recurrent and total savings. *Journal of Economic Psychology* 12(4): 621–641. [https://doi.org/10.1016/0167-4870\(91\)90003-C](https://doi.org/10.1016/0167-4870(91)90003-C)
- Lusardi, A. 2015. Financial literacy: Do people know the ABCs of finance? *Public Understanding of Science* 24(3): 260–271.
- Lusardi, A. and O. Mitchell. 2014. The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. *Journal of Economic Literature* 52(1): 5–44. <https://doi.org/10.3386/w18952>
- Modigliani, F. 1949. Fluctuations in the saving-income ratio: A problem in economic forecasting. In *Studies in Income and Wealth 11*, ed. Conference on Research in Income and Wealth, 369–444. Massachusetts: National Bureau of Economic Research.

- Modigliani, F. and R. Brumbergh. 1954. Utility analysis and the consumption function: An interpretation of cross-section data. In *Post-Keynesian economics*, ed. K. Kurihara, 388–436. London: George Allen and Unwin.
- Mowen, J.C. 1993. *Consumer behavior*. New Jersey: Prentice Hall.
- Noorhaslinda Kulub Abd Rashid. 2016. Pengaruh keagamaan terhadap corak perbelanjaan isi rumah. PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorhaslinda Kulub Abd. Rashid, Aslina Nasir, Zuraini Anang, Roseliza Mat Alipiah, Rahmah Ismail, Sanep Ahmad and S. Shahida. 2018a. Determinants of Muslim household basic needs consumption expenditures. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 52(1): 283–295. <https://doi.org/10.17576/JEM-2018-5201-23>
- Noorhaslinda Kulub Abd Rashid, Nor Fatimah Che Sulaiman and Nur Afifah Rahizal. 2018b. Survivability through basic needs consumption among Muslim households B40, M40 and T20 income groups. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities* 26(2): 985–998.
- Nurshuhaida Abdul Razak and Siti Zaiton Mohd Dali. 2012. Perbezaan analisis kepenggunaan menurut ekonomi konvensional dan ekonomi Islam. Prosiding PERKEM VII 2: 1461–1470. [https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012\\_5C4.pdf](https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_5C4.pdf)
- Pindyck R.S. and D.L. Rubinfeld. 2005. *Microeconomics*. 6th ed. Upper Saddle River: Pearson Prentice Hall.
- Portal Pembasmian Kemiskinan (eKasih). 2019. Maklumat eKasih. <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx> (accessed 2 July 2019)
- Rahmah Ismail, Noor Dzaharah Mahfodz and Noorasiah Sulaiman. 2016. Tahap dan penentu indeks modal sosial di Malaysia. *Kajian Malaysia* 34(2): 101–121. <https://doi.org/10.21315/km2016.34.2.5>
- Randazzo, T. and M. Piracha. 2019. Remittances and household expenditure behaviour: Evidence from Senegal. *Economic Modelling* 79: 141–153. <https://doi.org/10.1016/j.econmod.2018.10.007>
- Ratneshwar, S., D.G. Mick and C. Huffman. 2000. Introduction: The “why” of consumption. In *The why consumption: Contemporary perspectives on consumer motives, goals and desires*, eds. S. Ratneshwar, D.G. Mick and C. Huffman, 9–35. London: Routledge.
- Saidatulakmal Mohd. 2004. A co-integration analysis on the saving rate determinants in Malaysia. *Kajian Malaysia* XXII(1): 47–63.
- Saidatulakmal Mohd. and H.L. Hooi. 2015. Sustainable economic development: Policies and strategies. *Kajian Malaysia* 33(Supp.1): i–ix.
- Sarimah Hanim Aman Shah. 2005. *Ekonomi dari perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Schiffman, L.G. and L.L. Kanuk. 2004. *Consumer behavior*. New Jersey: Prentice Hall.
- Selamah Abdullah Yusof and Jarita Duasa. 2010. Consumption patterns and income elasticities in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies* 47(2): 91–106.
- Sen, A. 1992. *Inequality re-examined*. Oxford: Oxford University Press.

- Skagerlund, K., T. Lind, C. Strömbäck, G. Tinghög and D. Västfjäll. 2018. Financial literacy and the role of numeracy – How individuals' attitude and affinity with numbers influence financial literacy. *Journal of Behavioral and Experimental Economics* 74: 18–25.
- Solomon, M.R. 2009. *Consumer behavior*. New Jersey: Prentice Hall.
- Strömbäck, C., T. Lind, K. Skagerlund, D. Västfjäll and G. Tinghög. 2017. Does self-control predict financial behavior and financial well-being? *Journal of Behavioral and Experimental Finance* 14: 30–38. <https://doi.org/10.1016/j.jbef.2017.04.002>
- Surtahman Kastin Hasan. 2001. *Ekonomi Islam: Dasar dan amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaily Osman, Afida Mastura Muhammad Arif and Cham Xiau Yean. 2001. Predictors of purchasing intention of luxury goods among university students in Selangor. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 20: 57–80.
- Taussig, F.W. 1912. Principles of economics. *The Economic Journal* 22(85): 63–66. <https://doi.org/10.2307/2221627>
- The Asian Banker. 2018. Heavy household debt burden poses risks in some Asia Pacific countries. <http://www.theasianbanker.com/updates-and-articles/heavy-household-debt-burden-poses-risks-in-some-asia-pacific-countries> (accessed 8 July 2019).
- Walters, C.G. 1974. *Consumer behavior: Theory and practice*. Homewood, IL: Richard D. Irwin.
- Weber, M. 1978. *Economy and society: An outline of interpretive sociology* (Vol. 1). California: University of California Press.
- Williams, R.A. and L.V. Defris. 1981. The roles of inflation and consumer sentiment in explaining Australian consumption and savings patterns. *Journal of Economic Psychology* 1: 105–120. [https://doi.org/10.1016/0167-4870\(81\)90033-7](https://doi.org/10.1016/0167-4870(81)90033-7)
- World Bank Group. 2019. Malaysia economic monitor, June 2019: Re-energizing the public service. <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/31968/MalaysiaEconomicMonitorJune2019.pdf?sequence=3&isAllowed=y> (accessed 13 July 2019).
- Siti Khatijah Zamhari and C. Perumal. 2016. Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 12(12): 10–24.
- Zanariah Noor. 2007. Gender justice and Islamic family law reform in Malaysia. *Kajian Malaysia* XXV(2): 121–156.